

Jawatankuasa Buletin Politeknik PPD
Sesi Julai 2007

POLITEKNIK PORT DICKSON TERUS CEMERLANG

1. **Penaung :** Tuan Hj. Mohd Ghaus Ab. Kadir A.N.S. Pengarah PPD.
2. **Pengerusi :** Tuan Hj. Wan Mohd Hujjatullah Hj. Wan Ghazali. Ketua Jabatan Pengajian Am, PPD.
3. **Ketua Editor & Rekabentuk :** En. Shamsul Johari Shaari. (JKA)
4. **Seliasusaha :** Usz. Nor Wahida Dzalihu'zzabir. (JPA)
5. **Editor :**
 - 5.1. Pn. Suzarina Subuh. (JKA)
 - 5.2. Pn Munirah Md. Nujid. (JKE)
 - 5.3. En. Abdul Malik Abd.Manap. (JKM)
 - 5.4. En. Mohd Salihin Jamian. (JP)
 - 5.5. Cik Azyati Ibrahim. (JMSK)
 - 5.6. Cik Masniza Mansor. (JPA)
 - 5.7. En. Baharin Ahmad. (Kokurikulum)
 - 5.8. Cik Pn. Norliza Mohd Piah. (Pentadbiran)
 - 5.9. En. Azman Ahmad. (JKKQ)
6. **Gambar :** UMS

Kata-Kata Aluan Pengarah PPD



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera. Tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin PPD kerana telah berhasil menerbitkan Buletin PPD Sesi Julai 2007 ini. Tirai 2007 berakhir dan tabir 2008 mula menyingkap. Sepanjang Sesi Julai 2007 PPD telah berjaya mengharungi berbagai cabaran dan rintangan. Cabaran yang paling getir ialah Audit Pematuhan ISO dari Sirim QAS Berhad. Dengan berkat kerjasama dan komitmen yang padu dari seluruh warga PPD kita telah berjaya menghadapi cabaran ini. Berbagai berita dan aktiviti yang dipaparkan dalam buletin ini menggambarkan warga PPD terus maju, aktif dan komited untuk menggerakkan PPD ke arah mercu kejayaan dan kecemerlangan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga PPD dan semua pihak yang telah memberi sumbangan dan sokongan dalam menjayakan aktiviti PPD sepanjang Sesi Julai 2007. Semoga kerjasama seperti ini akan terus diberikan untuk Sesi Januari 2008.

Sambutan Kemerdekaan Jubli Emas Peringkat PPD



Politeknik Port Dickson tidak ketinggalan menyambut genap 50 tahun Kemerdekaan Malaysia dengan mengadakan beberapa aktiviti bagi melahirkan semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan seluruh warga Politeknik Port Dickson. Sambutan bulan kemerdekaan ini bermula pada 17 Ogos dan berakhir pada 16 September 2007. Antara acara sambutan yang dijalankan ialah pelancaran pembukaan dan penutup sambutan, sambutan ambang merdeka, bacaan yasin dan doa selamat, pertandingan puisi dan sajak kemerdekaan, pameran jubli emas kemerdekaan dan jelajah jalur gemilang merentasi gunung Angsi. Selain itu PPD juga telah mengambil bahagian dalam acara kayuhan basikal kemerdekaan yang melibatkan seluruh Institusi Pengajian Tinggi anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. WHG



Audit Pematuhan Ms Iso 9001:2000



Pada 25 dan 26 Oktober 2007 telah berlangsung audit pematuhan bagi Sistem Pengurusan Kualiti di Politeknik Port Dickson. Ia telah dikendalikan oleh empat orang auditor dari Sirim QAS International Sdn Bhd yang diketuai oleh En. Manimaaran Krishnan. Sebanyak 3 ketakuran dan 8 pemerhatian telah ditemui sepanjang perjalanan audit yang memakan masa 2 hari itu. Pihak Politeknik Port Dickson diberi peluang untuk mengemukakan perancangan tindakan pembetulan bagi ketiga-tiga ketakuran tersebut dalam tempoh sebulan dari tarikh audit dan melaksanakan tindakan dalam tempoh sebulan berikutnya. Dijangkakan Politeknik Port Dickson akan memperolehi anugerah sijil MS ISO 9001 :2000 pada awal tahun 2008. Azman



Hari Produk JKA 2007



Hari Produk JKA yang telah diadakan pada 22 November 2007, merupakan satu program yang dirangka khusus bagi membentangkan hasil kerja pelajar semester akhir Jabatan Kejuruteraan Awam. Program ini melibatkan penilai-penilai jempunan profesional dari agensi kerajaan dan firma luar yang berkaitan dengan industri pembinaan dan kejuruteraan awam serta senibina.

Hari Produk JKA diadakan bagi mempromosi produk pelajar kepada umum agar tahap kualiti kerja yang dihasilkan setanding seperti apa yang diinginkan. Program ini tertumpu khusus kepada pelajar semester akhir, pelajar JKA yang terdiri dari pelajar-pelajar DSB 6, KSB 4 dan DKA 6 dan semua pensyarah-pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam. Pelajar-pelajar lain juga dilibatkan melalui pameran produk yang diadakan ini. Zarin



Dari Meja Pengerusi Buletin



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera, Buletin PPD muncul kembali. Kali ini terbitan edisi Sesi Julai 2007. Buletin ini merupakan wadah rasmi PPD dalam menyiarkan berita yang berlaku di sepanjang Sesi Julai 2007. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada sidang pengarang Buletin PPD kerana berjaya merealisasikan penerbitan Buletin PPD Sesi Julai 2007 ini. Tidak lupa juga setinggi terima kasih kepada penulis-penulis berita dan semua pihak yang telah memberi sokongan bagi menjayakan penerbitan buletin pada kali ini. Selamat maju jaya. WHG

PPD Naib Johan keseluruhan Explorace 2007

Program ini adalah anjuran Politeknik Kota Bharu Kelantan dengan kerjasama Majlis Sukan Politeknik yang bermula pada 1 hingga 4 November 2007. Politeknik Port Dickson diketuai oleh Encik Mohd Solehuddin selaku Pegawai Sukan dan Kokurikulum. Aktiviti yang terlibat dalam Kelantan Explorace 2007 terbahagi kepada dua kategori sukan iaitu sukan mencabar dan penjelajahan di seluruh Negeri Kelantan. Ia digabungkan untuk membentuk satu aktiviti yang bakal menguji ketahanan mental dan fizikal para peserta secara total.

Antara aktiviti yang dimuatkan termasuklah sukan air, mendaki, mountainbike, rekapipta dan kebudayaan. Manakala lokasi yang terlibat adalah Bandar Kota Bharu, Machang, Tanah Merah, Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang.

Semua aktiviti yang ditempuhi disertai oleh lima orang peserta yang mengkehendaki bergerak menggunakan kenderaan lasak yang mampu memasuki kawasan pedalaman (4-Wheel Drive). Daripada kesemua elemen yang dipertandingkan, pasukan PPD telah mencapai tempat kedua keseluruhan pertandingan. *Baharin*



Wakil Jabatan Kejuruteraan Mekanikal PPD Ke Jerman

Pada 5 Ogos hingga 6 Oktober 2007 yang lalu, Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti telah menghantar wakil-wakil dari Jabatan mekanikal dan elektrik dari beberapa politeknik ke INBAS Training Centre, Germany. Dua wakil mekanikal dari Politeknik Port Dickson, En. Ishak Sarip dan En. Abdul Malek bin A. Manap berpeluang mengikuti kursus tersebut. Pemergian mereka adalah untuk meningkatkan tahap kemahiran lanjutan dalam bidang machining and mekatronics.

Pihak INBAS Training Centre mendapat kerjasama dari beberapa syarikat untuk menempatkan mereka bagi memenuhi objektif tersebut. Antara syarikat-syarikat yang terlibat ialah ABB MANHEIM, Turbinen-strasse 1-3, 68309 Mannheim; IFB MANHEIM, Kathe-Kollwitz-Strasse 9-11, 68169 Mannheim, Germany; BRUEL & KJAER, DARMSTADT, Leydheckerstrasse 10, 64293 Darmstadt, Germany; FESTO, ESSLINGEN-BERKHEIM, Festo Didactic Ausbildungszentrum, Germany; SLV, MANHEIM, Germany.

Selain dari itu para peserta diberi peluang dan pendedahan keberkesanan sistem pendidikan yang dijalankan di Germany. Di Germany, penggunaan DUAL SYSTEMS iaitu menggabungkan penglibatan pihak industri dan kerajaan negeri dalam melahirkan pelajar-pelajar yang dapat memenuhi kehendak syarikat-syarikat di sana telah lama dijalankan. Sistem ini memberi peluang kepada semua pelajar untuk mendapat pengetahuan teknikal dan hand on sebelum memasuki bidang pekerjaan.

Sepanjang kursus berlangsung para peserta telah menunjukkan komitmen dalam menjayakan kursus ini dan pihak INBAS Training Centre juga memberi pujian kepada semua peserta kerana berjaya mengikuti program yang disediakan. Komitmen semua pihak penting dalam merialisasikan hubungan pendidikan antara kedua-dua Negara. *A. Malik*



Jelajah Jalur Gemilang PPD Ke Puncak Gunung Angsi

Jelajah Jalur Gemilang dari PPD ke Puncak Gunung Angsi sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat PPD 2007 telah diadakan pada 11 September 2007. Ekspedisi ini diketuai sendiri oleh Pegerusi Sambutan Kemerdekaan PPD dibantu oleh En. Hamrin Abu Hassan dan En. Mohd Nor Mazlan Ismail. Ekspedisi pendakian bermula seawal jam 8.30 pagi dari Kem Penginapan Hutan Simpan Ulu Bendul, Kuala Pilah dengan peserta seramai 20 orang telah bergerak menuju ke Puncak Angsi. Jarak dari Kem Penginapan hingga ke Puncak Angsi dianggarkan hampir 4 km. Setelah menghadapi berbagai cabaran dan rintangan ekspedisi dari PPD ini telah berjaya sampai ke Puncak Angsi pada jam 12.00 tengahari selepas hampir 4 jam mendaki.

Di Puncak Angsi Ekspedisi telah merentang dan mengibarkan Jalur Gemilang dan melaksanakan beberapa aktiviti merdeka. Ekspedisi Jelajah Jalur Gemilang PPD mula bergerak turun dari Puncak Angsi mulai jam 1.00 ptg dan tiba dengan selamat di Kem Penginapan jam 4 petang setelah bergerak lebih kurang 3 jam. Matlamat Ekspedisi Jalur Gemilang PPD untuk menyemarakkan semangat patriotisme dengan mengibarkan Jalur Gemilang di Puncak Angsi sempena Sambutan Kemerdekaan Negara kali ke-50 telah berjaya dilaksanakan. *WHG*



Baktimu Terus Di kenang - En. Mohd Redza

Tanggal 19 Ogos 2007 adalah hari yang akan dikenang oleh semua kakitangan Politeknik Port Dickson (PPD) kerana hari tersebut merupakan hari persaraan Encik Mohd Redza Bin Ma'mor selaku Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK). Bagi meraikan persaraan beliau yang telah berkhidmat selama 17 tahun di PPD, satu perhimpunan bulanan khas anjuran JMSK telah diadakan pada 27 Julai 2007. Satu tayangan khas bersempena perkhimatan beliau telah dipertontonkan kepada semua yang hadir. Sebagai tanda ingatan daripada JMSK, 24 kuntum bunga ros dan 10 biji coklat telah dihadaikan kepada beliau dimana bunga ros mewakili 24 orang kakitangan wanita dan coklat mewakili 10 kakitangan lelaki. Majlis berjalan lancar dan diiringi dengan airmata dan perasaan hiba terutama apabila En. Redza mendengarkan lagu "Selamat Tinggal Bungaku" untuk semua kakitangan PPD. *Aziyati*



Pertandingan Fira Robo-Soccer



FIRA adalah singkatan dari Federation of International Robosoccer Association yang merupakan pertandingan bola sepak micro-robot (MiroSot) yang telah ditubuhkan pada 5 Jun 1997 yang disponsori oleh University KAIST di Daejeon, Korea. Pertandingan ini telah menjadi pertandingan tahunan di mana pada pertandingan FIRA RoboWorld Cup 2007 yang ke 12 telah berlangsung di San Francisco, AS dan yang terkini yang ke 13 akan diadakan di China pada Julai 2008. Berikutan dengan itu, FIRA Malaysia telah ditubuhkan adalah untuk menarik minat pelajar-pelajar politeknik dan kolej komuniti dalam bidang teknologi sains robotik.

Pada September yang lalu, buat julung kalinya, FIRA telah mengadakan pertandingan bola sepak robot Malaysia Cup Final 2007 antara politeknik Malaysia. Pertandingan ini telah disertai oleh 8 buah politeknik yang telah diadakan di Politeknik Ungku Omar. Terdapat dua kategori yang telah dipertandingkan iaitu 3 lawan 3 dan 5 lawan 5. Politeknik Port Dickson telah menjadi johan dalam kategori 5 lawan 5 yang dianggotai oleh 5 orang pensyarah dari Jabatan kejuruteraan Elektrik dan Mekanikal. Manakala untuk kategori 3 lawan 3, Politeknik Port Dickson telah mendapat tempat ke dua yang dianggotai oleh 3 orang pelajar. *Munirah*

Seminar Keusahawanan Jabatan Perdagangan



Bagi memberi pendedahan tentang peluang, cabaran dan prospek di dalam bidang keusahawanan dan perniagaan, satu Seminar Keusahawanan telah diadakan pada 1 November 2007 bertempat di Dewan Kuliah 3, Politeknik Port Dickson. Seminar yang dihadiri oleh pelajar-pelajar semester 5 dan 6 ini telah dirasmikan oleh Pn Hajah Noridah Binti Othman, Pemangku Ketua Jabatan Perdagangan. Antara objektif seminar yang bertemakan "Keusahawanan, Kerjaya Pilihan" ini adalah bagi memberi pendedahan dan motivasi kepada para pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan, sekaligus menggalakkan kerjasama dan hubungan erat di antara sektor kerajaan dan swasta dengan pihak Politeknik khususnya dalam pembangunan intelektual pelajar. Antara pengisian berguna di dalam seminar sehari ini adalah penyampaian ceramah oleh pegawai dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) iaitu Encik Nordin Bin Abd. Aziz, yang menyampaikan 2 ceramah bertajuk "Keusahawanan Sebagai Kerjaya Pilihan" dan "Kemudahan Khidmat Sokongan Kepada Usahawan Oleh MeCD dan Agensi-agensi Lain".

Program diteruskan lagi pada sebelah petang dengan Forum Keusahawanan bertajuk "Keusahawanan, Kerjaya Pilihan" yang dipengerusikan oleh En Mohd Salihin Bin Jamian dan dijayakan bersama oleh 3 orang ahli panel yang dijemput khas dan merupakan pakar dalam bidang masing-masing. Antara objektif forum ini diadakan adalah bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang bidang keusahawanan dan berkongsi pengalaman dengan ahli-ahli panel yang telah berjaya dalam bidang ini. Barisan ahli panel terdiri daripada Dato' Ahmad Bin Yusof, selaku ahli panel pertama yang juga merupakan Yang Dipertua bagi Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan, Tn Hj Khairuddin, Ahli Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan, dan Encik Jazmi Bin Abd Karim merupakan bekas pelajar Politeknik yang telah berjaya dalam bidang keusahawanan.

Seminar yang berakhir pada pukul 5.00 petang ini telah berupaya memberi informasi-informasi terkini dan bermanfaat kepada para peserta terutamanya kepada pelajar-pelajar semester akhir Jabatan Perdagangan yang ingin menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan kelak. *Salihin*



Perkhemahan Senibina di Universiti Islam Antarabangsa

Perkhemahan Senibina ini adalah acara setahun sekali yang dianjurkan oleh pihak Pertubuhan Arkitek Malaysia bersama-sama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada 25-29 Jun 2007. Perkhemahan ini disertakan oleh pelajar-pelajar jurusan Senibina daripada IPTA dan IPTS seluruh Malaysia. Politeknik Port Dickson tidak ketinggalan untuk menerima nama dan terlibat dalam program ini. Program yang berlangsung selama lima hari ini telah memberikan impak yang baik kepada pelajar senibina khususnya daripada Politeknik Port Dickson. Seramai 8 Pelajar Senibina yang menyertai perkhemahan tersebut dan dibantu oleh 2 pensyarah iaitu Pn. Ruslinda Bt Abdullah dan Pn. Yusra Bt Saion. *Zarin*




Pertandingan Model Jambatan di Universiti Teknologi Malaysia

Pada 28 dan 29 Ogos 2007, suatu pertandingan model jambatan 2007 telah diadakan di Universiti Teknologi Malaysia anjuran Fakulti Kejuruteraan Awam. Pertandingan ini telah disertai oleh 75 pasukan daripada Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di seluruh Malaysia dan 53 pasukan daripada sekolah menengah. Kesemua pasukan yang menyertai pertandingan ini adalah pasukan yang Berjaya memasuki peringkat akhir setelah melalui beberapa peringkat sebelum ini. Di antara pasukan daripada IPTA tersebut Politeknik Port Dickson telah berjaya menghantar satu pasukan bertanding yang terdiri daripada pelajar – pelajar kursus Kejuruteraan Awam. Pelajar yang bertanding ialah Mohd. Nazly bin Zakbar, Mohd. Firdaus bin Mohd. Noor Shah, Faizah binti Kadri, Noreliyana binti Md. Anuar, Siti Norhamidah binti Shahr dan Nazli-zan bin Nasir. Pelajar – pelajar ini telah diiringi dengan penasihat mereka iaitu En. Bahrin bin Ahmad, Pn. Siti Balqis Abdul Kadir dan En. Mohamed Saim.

Tujuan diadakan pertandingan model jambatan ini adalah untuk mencungkil bakat dan kemahiran pelajar dalam merekapi struktur Kejuruteraan Awam dan secara tidak langsung melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif dalam penghasilan struktur jambatan khasnya. Pertandingan ini menilai model jambatan berdasar kepada tiga kriteria iaitu struktur paling ringan, persembahan poster dan multimedia terbaik serta kreativiti terbaik. Para juri yang terlibat adalah terdiri daripada pensyarah daripada Fakulti Alam Bina, UTM dan beberapa agensi luar iaitu JKR dan Syarikat Jurutera Perunding tempatan.

Pertandingan seperti ini wajar dilaksanakan kerana ianya dapat memupuk semangat pelajar dalam mencipta sesuatu penemuan baru yang lebih kreatif. Selain daripada itu semangat kerja berpasukan dapat disemai kepada pelajar dalam mencapai matlamat negara menuju sebuah negara yang maju. *Zarin.*



Lawatan ke Pusat Sains Negara



Sabtu, 1 Disember 2007 satu lawatan telah dianjurkan oleh Unit Sains dari Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) sebagai penghargaan kepada pelajar yang memperoleh markah penilaian berterusan yang cemerlang untuk Modul Sains Juruteknik (B 1004). Seramai 38 orang pelajar telah terpilih untuk mengikuti lawatan ke Pusat Sains Negara yang terletak di Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Program berlangsung dengan jayanya dan mendapat sambutan dengan penuh semangat daripada para peserta kerana Pusat Sains Negara mempunyai pelbagai aktiviti dan bahan pameran yang direka khas bagi tujuan merangsang, menarik dan menggalakkan pelajar untuk menaruh minat yang tinggi di dalam bidang sains dan teknologi serta untuk menghubungkan sains dan alam sekitar dengan agama. *Aziyati*

Ceramah Membina Ketrampilan Pelajar Cemerlang



Unit kaunseling Jabatan Matematik, Sains dan Komputer telah menganjurkan Ceramah Membina Ketrampilan Pelajar Cemerlang pada Rabu, 7 November 2007 yang bertempat di Dewan Kuliah 4. Program dijayakan Pegawai Kaunselor PPD dan pelajar-pelajar yang mengulang modul bagi semua modul dan jabatan di PPD. Sepanjang program ini, para peserta telah memberikan kerjasama dan komitmen yang tidak membelah bahagi bagi menayakan program. Program ini adalah amat sesuai untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dan terbilang. *Aziyati*



Kempen Kesihatan dan Kecerdasan



Pada hari Ahad 18 November 2007 jam 8.00 pagi bertempat di Arena Softball PPD, Kamsis PPD telah mengadakan aktiviti Senamrobik dan Sukaneka sempena Kempen Kesihatan dan Kecerdasan Kamsis. Aktiviti ini telah disertai hampir 1,000 peserta yang terdiri dari pelajar Kamsis dan Warden. Acara ini dirasmikan oleh Ketua Warden Kamsis. Program berlangsung agak meriah dan mendapat sambutan yang penuh semangat dari para pelajar. Aktiviti dimulakan dengan senamrobik dan diikuti dengan beberapa acara sukaneka yang berakhir jam 12.00 tengahari. Objektif program ini adalah untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan cerdas di kalangan pelajar kamsis PPD. *WHG*



Jamuan Hari Raya dan Deepavali Jabatan Kejuruteraan Awam 2007



Jamuan Hari Raya 2007 telah diadakan di jabatan Kejuruteraan Awam pada 26/10/2007 di ruang legar pejabat, Jabatan Kejuruteraan awam. Jamuan ini adalah anjuran kelab kebajikan staf JKA. Mengikut ulasan daripada penyelaras Kelab Kebajikan staf JKA, Pn. Norashikin Bt Samuri, jamuan ini diadakan bagi tujuan mengeratkan silaturahim antara staf dan mewujudkan satu kemesraan dan kemeriahan menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Hari Deepavali. *Zarin*.



Lawatan ke Pusat Kalam, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor



Galeri Kajian Alam Melayu atau KALAM merupakan satu pusat dimana segala hasil kajian Lukisan Terukur (Measured Drawing) C5333 yang dihasilkan oleh pelajar Diploma Seni Bina semester 6 di dokumentasi untuk disimpan sebagai bahan rujukan bukan sahaja oleh pelajar-pelajar politeknik tetapi juga dari pelajar institusi lain dan juga orang awam.

Peringkat awal konsep bilik galeri ini hanya sebagai satu ruang rujuk bagi kegunaan pelajar-pelajar kursus seni bina dan ruang pameran dan penyimpanan hasil kerja lukisan terukur pelajar. Selepas sesi perbincangan dengan Dr. Syed Ahmad Iskandar bin Syed Ariffin dari Fakulti Alam Bina yang kebetulan dijemput khas bagi satu program di Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Port Dickson konsep ruang galeri penyimpanan ini diperkembangkan. Dr. Syed Ahmad Syed Ariffin mencadangkan agar konsep bilik galeri dibina berdasarkan Pusat KALAM yang telah pun beroperasi di Fakulti Alam Bina

Lawatan ke Pusat Kajian Alam Bina Melayu atau KALAM di Fakulti Alam Bina UTM Skudai dari 29 Nov – 30 Nov 2007 merupakan salah satu pelan tindakan ke arah merealisasikan Galeri Kalam Politeknik Port Dickson. Selepas kerja-kerja pengubahsuaian siap, proses pengkatalogan dan penyusunan bahan-bahan akan dijalankan. Satu perasmian galeri akan dibuat dan pihak jawatankuasa kerja bercadang untuk melibatkan YAB Datuk Sri Dr Rais Yatim dari KekWAH bagi merasmikannya. Ini dijangka dilakukan pada awal tahun 2008. Antara Pensyarah yang terlibat dalam lawatan tersebut ialah En. Hassan B. Siraj, En. Reduan B. Mahat, En. Shamsul Johari B. Shaari, Pn. Ruslinda Bt Abdullah, Pn. Yusra Bt Saion, Pn. Suzarina Hj Suboh dan Pn. Nik Hasnira Bt. Nik Pa. *Zarin*



Gotong-Royong Perdana

Pada 17 September yang lalu, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan kerjasama Majlis Perbandaran Port Dickson telah berjaya mengadakan Program Gotong-Royong Perdana 2007 di Pantai Teluk Kemang, Port Dickson. Program Gotong-Royong Perdana ini diadakan bertujuan untuk membersihkan persekitaran Teluk Kemang dan mengeratkan hubungan baik Politeknik Port Dickson dengan Majlis Perbandaran Teluk Kemang. Di samping itu dapat meningkatkan semangat cintakan alam sekitar dan kerjasama antara pensyarah dan pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Pihak Majlis Perbandaran amat berbesar hati dan mengalu-alukan program-program kemasyarakatan seperti ini. Seramai 120 orang pelajar semester satu dan semua pensyarah jabatan Kejuruteraan Elektrik telah memberi komitmen dalam menayakan program ini. Program Gotong-Royong ini telah dirasmikan oleh Pengarah Politeknik Port Dickson, Tn. Hj. Mohd. Ghaus B Ab. Kadir. Sepanjang program ini berlangsung, para pensyarah dan pelajar telah memberi komitmen yang sepenuhnya dalam memastikan kawasan pantai Teluk Kemang bersih untuk kebaikan bersama. *Munirah*




ARCHIDEX 2007 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur KLCC

PAM . Student Exhibition (ARCHIDEX 2007) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur KLCC . Program ini telah berlangsung Selama 4 hari bermula pada 5 hingga 8 Julai 2007. Disertai oleh semua Pusat pengajian tinggi awam mahupun swasta yang menawarkan jurusan seni bina serta diikuti firma-firma arkitek dalam dan luar negara. Politeknik Port Dickson juga tidak ketinggalan dijemput bagi majlis perasmian tersebut. Pensyarah yang terlibat ialah Pn. Ruslinda Abdullah dan Pn Suzarina Hj. Suboh. *Zarin*

Kursus Kepimpinan dan Kerjasama Berpasukan, Jerantut Pahang

Encik Umar bin Abd Majid, Encik Ahmad Humaizi bin Manap, Puan Norliza binti Mohd Piah Dipilih oleh Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan menghadiri Kursus Kepimpinan dan Kerjasama Berpasukan pada 4 November 2007, bertempat di Woodland Resort Taman Negara, Jerantut, Pahang. Peserta kursus terdiri daripada kakitangan pelbagai jawatan dari KPTM. Kursus yang menarik dan menyeronokkan disamping itu mempunyai matlamat yang cukup berguna kepada peserta tersebut dan banyak pengajaran serta menguatkan jati diri dalam setiap peserta dan dapat mengharungi pelbagai rintangan sebelum mencapai kejayaan dengan berkat dan sabar dan tolong menolong antara satu sama lain secara berkumpulan.

Aktiviti yang telah dijalankan telah mencabar fizikal dan mental iaitu mendaki gunung, Kembara Rimba Rapid Shooting di Sungai, menyeberangi jambatan gantung taman Negara (canopy walk) setinggi 200 kaki dari tanah dan kembara malam. Terima kasih kepada pihak pengurusan yang menghantar peserta. *Liza*



Majlis Berbuka Puasa dan Ihya' Ramadhan Peringkat PPD Sesi Julai 2007



Majlis Berbuka Puasa dan Ihya' Ramadhan peringkat Politeknik Port Dickson telah diadakan pada 25 September 2007 bersamaan 13 Ramadhan 1428 Hijrah. Jawatankuasa Penganjur telah mengadakan gotong-royong memasak hidangan yang disediakan untuk hadirin. Hampir 2000 bungkus makanan disediakan kepada para jemputan dan hadirin yang terdiri dari pensyarah, pelajar dan AJK taman perumahan sekitar Politeknik Port Dickson. Majlis dimulakan dengan berbuka puasa dan solat maghrib di Pusat Islam dan seterusnya jamuan makan malam. Majlis diteruskan dengan solat Isya' dan taraweh. Majlis diakhiri dengan ceramah Ihya' Ramadhan selepas solat sunat taraweh. *WHG*



Lawatan Penandaarasan Oleh PSAS



Pada 27 November 2007, sekumpulan pensyarah dari Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) telah membuat kunjungan serta lawatan penandaarasan ke Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson. Antara objektif lawatan tersebut adalah untuk bertukar maklumat dan pengetahuan berkaitan dengan pengurusan di Jabatan Perdagangan secara amnya dan pengurusan portfolio secara khususnya. Lawatan penandaarasan ini meliputi skop serta perkara-perkara yang berkaitan dengan struktur kursus, modul dan sistem pemfailan disamping melihat dengan lebih dekat perjalanan dan keberkesanan organisasi.

Sejurus tiba di Politeknik Port Dickson, kumpulan tersebut telah dibawa ke Bilik Mesyuarat Hal Ehwal Pelajar untuk sesi taklimat dan tayangan video korporat Jabatan Perdagangan. Kata-kata aluan dan taklimat pengenalan telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Sokongan, Pn Hjh Fauziah Bt Zakaria. Kumpulan yang diketuai oleh En Mohd Adnan Bin Shaharudin selaku Ketua Jabatan Perdagangan tersebut kemudiannya telah dibawa melawat ke tempat-tempat serta unit-unit yang berkaitan antaranya ke Unit Latihan Industri, Koperasi Politeknik Port Dickson Bhd, Pusat Sumber, Unit Kualiti, Unit Peperiksaan, Unit kaunseling, Unit Multimedia (UMS).

Bagi memberi pendedahan tentang peluang, cabaran dan prospek di dalam bidang keusahawanan dan perniagaan, satu Seminar Keusahawanan telah diadakan pada 1 November 2007 bertempat di Dewan Kuliah 3, Politeknik Port Dickson. Seminar yang dihadiri oleh pelajar-pelajar semester 5 dan 6 ini telah dirasmikan oleh Pn Hajah Noridah Binti Othman, Pemangku Ketua Jabatan Perdagangan. Antara objektif seminar yang bertemakan "Keusahawanan, Kerjaya Pilihan" ini adalah bagi memberi pendedahan dan motivasi kepada para pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan, sekaligus menggalakkan kerjasama dan hubungan erat di antara sektor kerajaan dan swasta dengan pihak Politeknik khususnya dalam pembangunan intelektual pelajar. Antara pengisian berguna di dalam seminar sehari ini adalah penyampaian ceramah oleh pegawai dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) iaitu Encik Nordin Bin Abd. Aziz, yang menyampaikan 2 ceramah bertajuk "Keusahawanan Sebagai Kerjaya Pilihan" dan "Kemudahan Khidmat Sokongan Kepada Usahawan Oleh MeCD dan Agensi-agensi Lain".

Barisan ahli panel terdiri daripada Dato' Ahmad Bin Yusof, selaku ahli panel pertama yang juga merupakan Yang Dipertua bagi Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan, Tn Hj Khairuddin, Ahli Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan, dan Encik Jazmi Bin Abd Karim merupakan bekas pelajar Politeknik yang telah berjaya dalam bidang keusahawanan. Seminar yang berakhir pada pukul 5.00 petang. *Salihin*



Anugerah Khidmat Cemerlang Staf PPD

Warga Politeknik Port Dickson yang telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2006, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti. Majlis anugerah perkhidmatan cemerlang 2006, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti telah diadakan pada 07 Ogos 2007 bertempat di DEWAN SERI ENDON, PUSPANITA PURI, PUTRAJAYA. TAHNIAH!! Kepada pegawai-pegawai berikut:-

1. Puan Kalsom binti Sailan
2. Encik Redzuan bin Mahat
3. Encik Zainal bin Ab. Rahman
4. Encik Ong Seng Keong
5. Encik Abdul Malek bin A.Manap
6. Encik Mohd Omar bin Othman
7. Encik Suhaimi bin Samad
8. Encik Khairul Anuar bin Abdul Manap
9. Encik Osman bin Maarof
10. Encik Hamrin bin Abu Hasan
11. Encik Noorhafiz bin Kanafi
12. Encik Umar bin Abd Majid
13. YM Tengku Mohd Haizee bin Tengku Abdullah
14. Encik Sarudin bin Adanan
15. Encik Norhairi bin Zainal Abidin
16. Encik Mohd Nizamri bin Jaapar
17. Encik Johan bin Bachek
18. Puan Rahimah bt Shahar
19. Cik Norhalidah bt Yunus
20. Cik Lee Moi Fong
21. Puan K.Deveki a/p Kanapathi
22. Puan Amimah bt Talib
23. Puan Jamilah bt Hussain
24. Puan Hamidah bt Baharum
25. Puan Halimah bt Kamarudin
26. Puan Norliza bt Mohd Piah
27. Puan Norlilawati bt Mohd Nor

Liza

PPD Juara Futsal



17 hingga 19 Ogos yang lalu, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Kedah telah mengadakan Kejujutan Futsal Majlis Sukan Politeknik 2007. Sebanyak 18 buah politeknik Malaysia telah menyertai kejujutan ini termasuklah Politeknik Jeli, Kelantan dan Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang. Kejujutan ini telah diadakan di Safira Sport Planet, Pulau Pinang. Peserta-peserta Politeknik Port Dickson telah menunjukkan prestasi dan kecemerlangan yang amat membanggakan. Ini dapat dibuktikan apabila Politeknik Port Dickson telah menjadi juara dalam kategori wanita dan naib juara untuk kategori lelaki. Pemain wanita Politeknik Port Dickson iaitu Nur Akmal Binti Anuar pelajar dari Kejuruteraan Awam merupakan pemain terbaik dalam kejujutan tersebut. Manakala Mohd. Farhan Bin M. Azim pelajar semester 1 Kejuruteraan Elektrik merupakan penjaring terbanyak bagi kategori lelaki. Dengan wujudnya kejujutan ini, ia telah memberikan pendedahan dan pengalaman kepada setiap pasukan yang bertanding tidak kira samada lelaki mahupun wanita. *Munirah*



Hari Pendaftaran Pelajar Baru Sesi Julai 2007

Tirai semester Sesi Julai 2007 dibuka dengan meriahnya dengan pengambilan seramai 1250 orang pelajar baru yang telah mendaftarkan diri pada 10 Ogos 2007 yang lalu. Bertempat di Dewan Wawasan, Politeknik Port Dickson, para pelajar baru bersama-sama keluarga telah pun awal-awal bersedia dan teruja untuk memulakan pengajian di Politeknik Port Dickson pada sesi pengambilan kali ini. Proses pendaftaran telah berjalan dengan lancar dengan kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada seluruh AJK Pendaftaran Pelajar dan Unit Hal-Hal Pelajar Politeknik Port Dickson. Adalah menjadi harapan warga Politeknik Port Dickson supaya semua warga pelajar baru akan dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru di politeknik dan sama-sama mencapai matlamat untuk mendapat ilmu dan segenggam sijil dan diploma dengan jayanya. Semoga berjaya!



Minggu Suaikenal Sesi Julai 2007

Permulaan semester Sesi Julai 2007 bagi pelajar baru pastinya satu pengalaman yang amat berharga dan sukar dilupakan. Kesemua pelajar baru telah pun mengharungi Minggu Suaikenal (MSK) Sesi Julai 2007 bermula daripada 10 Julai hingga 13 Julai 2007, dengan jayanya. Bertempat di Dewan Wawasan, Politeknik Port Dickson, Majlis Perasmian Pembukaan disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Pengarah Politeknik Port Dickson, Tuan Haji Mohd Ghaus Ab. Kadir (ANS), manakala Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah (Akademik), Tuan Haji Mahmood Haji Basar dan dihadiri oleh semua warga pelajar baru dan AJK Minggu Suaikenal Politeknik Port Dickson.

Pelbagai aktiviti dilaksanakan sepanjang minggu tersebut diantaranya termasuklah pelbagai sesi ceramah bagi memperkasakan pelajar dalam mengharungi dunia baru sebagai pelajar di Politeknik Port Dickson disamping pelbagai aktiviti sukan yang dapat menghasilkan pelajar yang cergas dan cerdas selaras dengan visi Politeknik Port Dickson dalam menghasilkan graduan yang berketramplan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab.



Seminar Kecemerlangan Pelajar



Pada 1 November 2007, Jabatan Perdagangan telah menganjurkan satu Seminar Kecemerlangan bertempat di Dewan Kuliah 4. Seminar yang dihadiri oleh pelajar-pelajar semester 1, 2 dan 3 ini telah dirasmikan oleh Pn Hajah Noridah Binti Othman, Pemangku Ketua Jabatan Perdagangan di dalam satu Majlis Perasmian yang diadakan pada sebelah pagi. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai pengertian integriti dan menerangkan kepentingan integriti dalam kehidupan mereka pada masa akan datang. Selain itu juga, ia adalah bagi memotivasi pelajar untuk menjalankan tugas yang diamanahkan dengan sempurna di samping menjadi pelajar cemerlang dan bertanggungjawab di dalam cabaran globalisasi.

Antara penceramah yang dijemput bagi menjayakan slot-slot di dalam seminar ini adalah Dr. Robiah K. Hamzah, merupakan Pensyarah di Institut Bahasa Melayu Malaysia yang menyampaikan ceramah bertajuk "Membina Jati Diri Untuk Menangani Cabaran Globalisasi", Cr. Shamsul Bahrain Bin Haron, Pegawai Kaunseling di Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah yang menyampaikan ceramah bertajuk "Kenali Diri Asas Insan Cemerlang" dan Encik Izal Arif Bin Zahrudin, Pegawai dari Institut Integriti Malaysia (IIM) yang diamanahkan menyampaikan tajuk "Prinsip & Falsafah Pelan Integriti Nasional". Dengan penyertaan dan penglibatan para pelajar yang amat membanggakan, seminar ini dijangka akan dijadikan acara tahunan bagi mewujudkan satu platform bagi para pelajar membina integriti, kecemerlangan dan keyakinan diri mereka. *Salihin*

Lawatan Sambil Belajar Ke Universiti Sains Islam Malaysia

Pada 21 November 2007, Unit Kaunseling dan Kerjaya Politeknik Port Dickson dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Sains Islam Malaysia. Objektif utama lawatan ini diadakan adalah untuk mengadakan dan mewujudkan ikatan jalinan mesra diantara Politeknik Port Dickson dan USIM. Seramai 36 orang peserta yang terdiri daripada ahli Kelab PRS yang mengikuti lawatan ini dan diiringi 4 orang pensyarah pengiring.

Para peserta berkumpul di depan Dewan Wawasan pada pukul 8.00 pagi dan menaiki bas ke USIM. Setibanya di USIM, peserta dibawa ke Bilik Persidangan untuk sesi taklimat dan bertukar pendapat dengan Pembimbing Rakan Universiti (PRU) USIM. Taklimat pertama berkenaan dengan sejarah dan permulaan tertubuhnya USIM. Kami juga diberi taklimat tentang kursus-kursus yang telah dan akan ditawarkan di USIM. Taklimat kedua pula ialah berkenaan dengan Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah. Program diteruskan lagi dengan taklimat berkaitan Pembimbing Rakan Universiti (PRU).

Sesi dialog dan soal jawab di antara PRU USIM dan PRSP PPD berlangsung selama 40 minit. Di antara perkara yang berbangkit dalam sesi soal jawab di antara kedua-dua pihak termasuklah cara pengurusan kelab berkaitan dengan Ahli Jawatankuasa dengan ahli kelab masing-masing. Selepas sesi berdialog, kami dibawa melawat ke Makmal Kaunseling dan Komunikasi USIM diiringi kuanselor-kuanselor dan AJK PRU USIM. Kami juga dibawa melawat ke sekitar USIM.

Program ini mendapat komen positif dari peserta lawatan yang terlibat dan berharap agar program seperti ini akan berterusan pada semester-semester yang akan datang.



Majlis Berbuka Puasa Di Rumah Seri Kenangan Seremban



Pada 21 September 2007 bersamaan dengan hari Jumaat, Unit Kaunseling dan Kerjaya dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Port Dickson telah membuat lawatan ke Rumah Seri Kenangan, Seremban dan berbuka puasa bersama-sama dengan penghuni di sana. Seramai 40 orang peserta telah menyertai program ini dan diiringi 4 orang pensyarah. Objektif utama program sebegini diadakan adalah untuk beramah mesra dan memberi sumbangan agar warga Rumah Seri Kenangan berasa lebih dihargai. Sebuah tabung derma Rumah Seri Kenangan juga telah diwujudkan bagi mengumpul derma dikalangan warga Politeknik Port Dickson untuk disumbangkan disana.

Program bermula pada jam 2.45 petang dengan para peserta berkumpul di depan Dewan Wawasan sebelum menaiki bas ke Rumah Seri Kenangan, Seremban. Setibanya di sana, peserta diberi taklimat oleh pegawai bertugas tentang tujuan Rumah Seri Kenangan ditubuhkan dan berapa ramai penghuni disitu. Selepas taklimat, peserta dibenarkan melawat dan bertemu dengan penghuni di situ. Ada dikalangan peserta yang menangis apabila melihat keadaan-keadaan penghuni disana. Selepas itu, peserta berkumpul di Dewan untuk berbuka puasa bersama-sama dengan penghuni distu. Selepas berbuka puasa, para peserta menunaikan solat maghrib dan solat terawih bersama-sama dengan penghuni Rumah Seri Kenangan.

Semua peserta berasa bersyukur kerana dapat menyertai program ini dan berharap dapat memperbanyakkan lagi program seperti ini.

Seminar Personaliti Unggul dan Majlis Sambutan Hari Raya Unit Kaunseling dan Kerjaya



Pada 27 Oktober 2007 bersamaan dengan hari Sabtu, Unit Kaunseling dan Kerjaya dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Port Dickson telah mengajurkan satu seminar untuk ahli-ahli PRS dan siswa-siswi Politeknik Port Dickson. Uniknya seminar ini, ia digabungkan dengan Majlis Sambutan Hari Raya pada bulan Syawal. Seramai 141 orang peserta terlibat dengan program ini yang datang dengan berpakaian baju melayu bagi siswa dan baju kurung dan kebaya bagi siswi. Program ini juga disertai oleh Pegawai Bimbingan Kaunseling Jabatan. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi motivasi kepada para peserta untuk mencapai kejayaan disamping bergembira menyambut kedatangan bulan Syawal yang mulia.

Para peserta mula mendaftar bermula jam 7.30 pagi. Selepas sesi pendaftaran selesai, peserta masuk ke Dewan Kuliah 4 untuk mendengar ceramah. Ceramah disampaikan oleh Cr. Shamsul Bahrain bin Haron, Pegawai Kaunseling dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Slot pertama ceramah bertajuk Mengenali Personaliti Diri. Dalam slot ini, peserta membuat satu ujian untuk mengenali personaliti diri yang sebenar. Tajuk slot kedua ialah Pengurusan Stress.

Selepas habis ceramah, Majlis Sambutan Hari Raya pula bermula. Para peserta dihidangkan dengan juadah hari raya semasa makan tengah hari. Cabutan bertuah juga diadakan. Sebagai penyeri majlis, urusetia telah memilih Putera dan Puteri Hari Raya kerana memakai pakaian yang paling menarik dan cantik pada hari tersebut.



Program Lawatan Belajar Dan Majlis Silaturrahim Prsp Psis Dan Prsp Ppd

Pada 17 NOVEMBER 2007 bersamaan hari Sabtu. PRSP Politeknik Sultan Idris Shah telah datang ke Politeknik Port Dickson. Tujuan utama mereka datang adalah untuk merapatkan silaturrahim serta menjalin hubungan mesra antara PRSP Politeknik Sultan Idris Shah dan PRSP Politeknik Port Dickson.

Program ini bermula seawal 7.30 pagi dimana ahli kelab dan ahli jawatankuasa PRSP Politeknik Port Dickson berkumpul di hadapan koperasi untuk menunggu ketibaan rombongan dari Politeknik Sultan Idris Shah. Aktiviti yang dijalankan bersama adalah tayangan video serta taklimat mengenai aktiviti-aktiviti PRSP PPD sepanjang semester ini di bilik tayang, kemudin slot 'Menjalin Hubungan dan silaturrahim' yang di sampaikan oleh Cr. En. Paridul Adras bin Ismail. Selepas itu sedikit ucapan dari kaunselor Politeknik Port Dickson iaitu Cik Nooraini bt Hj Ismail dan pertukaran cenderamata antara PRSP Politeknik Port Dickson dan Politeknik Sultan Idris Shah

Aktiviti seterusnya adalah pembahagian kumpulan. Mereka harus mengenali ahli dalam kumpulan mereka dan kekal sebagai sebuah kumpulan sehingga selesai semua aktiviti. Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan adalah explorace. Peserta explorace dikehendaki mencari checkpoint yang dijaga oleh AJK dari sekitar Politeknik hingga ke Pantai Purnama. Aktiviti di teruskan lagi dengan acara sukaneka bagi merapatkan lagi silaturrahim dan mewujudkan kerjasama diantara ahli kumpulan. Program ini berakhir dengan pemberian hadiah kepada para pemenang. Kebanyakan peserta berasa seronok selepas menyertai program ini dan berharap program ini dapat diteruskan lagi pada semester yang akan datang serta dapat mengeratkan silaturrahim dengan politeknik yang lain.




Program Ice Breaking Kelab Pembimbing Rakan Siwa Politeknik Port Dickson

Pada 4 Ogos 2007, Unit Kaunseling dan kerjaya Politeknik port Dickson, dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siwa telah menjalankan Program Ice Breaking Kelab Pembimbing Rakan Siwa Politeknik Port Dickson Sesi Julai 2007 yang bertempat di Pantai Politeknik. Objektif program ini adalah untuk merapatkan hubungan sesama ahli Kelab PRS dan hubungan antara ahli dengan Ahli Jawatankuasa Seramai 58 orang peserta yang menyertai program ini.

Program ini bermula seawal 7.30 pagi dan peserta berkumpul di tempat letak kereta bangunan HHP sebelum peserta berjogging ke pantai. Setiba di pantai, aktiviti dimulakan dengan senaman pagi. Selepas itu, aktiviti ice breaking bermula dengan peserta diarah berbaris mengikut ketinggian. Kemudian, peserta akan memperkenalkan diri seorang demi seorang.

Aktiviti ice beraking diteruskan lagi dengan pembahagian kumpulan. Mereka harus mengenali ahli dalam kumpulan mereka dan kekal sebagai sebuah kumpulan sehingga selesai semua aktiviti. Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan adalah seperti radio buruk, yang menguji minda untuk mengingati sesuatu, permainan Mini Treasure Hunt, yang mengkehendaki peserta mencari sesuatu barang dan permainan Joget Lambak, diaman peserta perlu menari mengikut muzik yang telah diberi. Program ini berakhir dengan pemberian hadiah kepada para pemenang. Kebanyakan peserta berasa seronok selepas menyertai program ini dan berharap program ini dapat diteruskan lagi pada semester yang akan datang.



Seminar Kepimpinan Islam

Selaras dengan objektif Politeknik Port Dickson dalam melahirkan graduan yang berketrampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab, satu Seminar Kepimpinan Islam telah diadakan bertempat di Pusat Islam, Politeknik Port Dickson. Seminar yang berlangsung pada hari Sabtu, 15 September, 2007 itu diadakan selama satu hari dan dihadiri oleh para siswa dan siswi yang terdiri daripada pelajar Semester 1. Pelbagai topik diperbincangkan oleh penceramah jemputan iaitu Ustazah Nik Nur Saha dan Ustaz Zamani dari Gemencheh, Negeri Sembilan, dan pelbagai aktiviti diadakan disepanjang seminar sehari tersebut. Adalah menjadi harapan agar para peserta seminar ini dapat menjadi pelajar yang berkeimpinan Islam, berakhlak terpuji serta berdisiplin dan berjaya didunia dan akhirat.




Khemah Ibadah Sesi Julai 2007

Berbekalkan keazaman untuk membentuk hubungan dan ukhuwah sesama pelajar Muslim Politeknik Port Dickson, satu khemah ibadah telahpun diadakan di Kem Lambaian Danau, Jasin, Melaka pada 21 hingga 23 September, 2007 yang lalu. Diiringi 3 orang pensyarah pengiring iaitu Ustaz Omar Abd. Rahman, Ustaz Zamri Ibrahim dan Ustaz Muhamad Ramle Salleh, seramai 80 orang siswa dan siswi menjalani khemah ibadah tersebut dengan jayanya. Objektif khemah ini antara lainnya adalah untuk memberi peluang kepada para Muslimin dan Muslimat mendalami sebanyak mungkin ilmu agama yang menjangkau dinding bilik kuliah selain dapat membentuk akhlak sebagai pelajar Islam dan ianya juga bertujuan untuk memberi pengisian jasmani dan rohani kepada para pelajar. Para peserta khemah ini telah berpeluang untuk mendalami sedikit sebanyak ilmu daripada Maulana Abdullah Haizli dari OIC Korea Selatan.



Kempen Menutup Aurat

Bersempena dengan bulan Ramadhan al-Mubarak yang lalu, satu Kempen Menutup Aurat telah dilancarkan. Disepanjang kempen tersebut, yang dianjurkan dengan kerjasama Biro Kerohanian, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) Politeknik Port Dickson selama sebulan, semua warga Politeknik Port Dickson digalakkan berpakaian menutup aurat yang selaras dengan peredaran fesyen dan masa, bagi menghormati bulan Ramadhan selain daripada sesi ceramah oleh Maulana Abdullah Haizli, yang membincangkan tentang pengisian bulan Ramadhan. Majlis Perasmian Kempen Menutup Aurat telahpun disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Pengarah Politeknik Port Dickson, Tuan Haji Mohd Ghaus bin Ab. Kadir (ANS) pada 13 September, 2007 di Pusat Islam, Politeknik Port Dickson.



MUET Seminar



In conjunction with the English Language Carnival July 2007, a MUET Seminar was held in Dewan Kuliah 4 on Saturday, 8 September 2007 as its highlight. It was successfully held by the English Language Unit and attended by 200 participants, mainly Port Dickson Polytechnic students who have registered for MUET exam End-Year 2007 and also the English Language lecturers of Port Dickson Polytechnic. The primary aim of this seminar was to give some exposure to the students about the format of the four different MUET exam papers: Listening (800/1), Speaking (800/2), Reading Comprehension (800/3) and Writing (800/4).

Apart from that, it was also aimed to boost students' confidence in preparation of the exam in October. Hopefully all participants have gained some rewarding information thus could utilize the knowledge gained from this one-day seminar to perform excellently in the MUET exam. A million thanks to the guest speaker, Encik Ahmad Iskandar bin Haron for sharing some fruitful insights with the seminar participants. *Mas*

The 8th Inter-Polytechnic English Language Elocution and Tilawah Competition

The 8th Inter-Polytechnic English Language Elocution and Tilawah Al-Quran Competition were held in Sultan Haji Ahmad Shah Polytechnic (POLISAS), Kuantan, Pahang from 8 August to 10 August, 2007. The Port Dickson Polytechnic team of English Language Elocution was headed by Ms. Freda E. Lijawa and the representatives were Johan Roslan, Nur Sharena Fardilla Abdullah and Chung Jo Shua, while the Tilawah Al-Quran team was headed by Ustaz Che Kamarudin Che Pa and Ustaz Hasni Hassan. The representatives were Hafizuddin Ab. Latiff, Nurul Hana Najibollah, Muhammad Aizat Md. Naser and Huda Appandi. Though we didn't get any placing, the experience gained throughout the competition was worthwhile. Perhaps both teams could do better next time around! *Mas*



Training of Trainers PPSMTI Phase III



The final stage of the Teaching and Learning of Science, Mathematics and Technical Subjects in English (PPSMTI) was conducted by the Training and Career Development Division (BLK), Department of Polytechnic and Community College Education (JPPKK), Ministry of Higher Learning in Rumbia Resort Villa, Dungun, Terengganu from 7 August to 10 August, 2007. The training was attended by PPSMTI trainers from all polytechnics and community colleges throughout the Peninsular. A total of six English Language lecturers of the English Language Unit, General Studies Department of Port Dickson Polytechnic were chosen to be part of the PPSMTI trainers: Puan Izawati Isa, Puan Hamidah Baharum, Puan Ting Lee Fah, Cik Masniza Mansor, Puan Shammine Dharmalingam and Puan Nazatulshima Mustafar. The training was designed to equip the trainers of the final enrichment module which will be used in the third phase of PPSMTI programme which will be carried out from August to November 2007. The training was led by the Master Trainer, Encik Jahabar Jainul Abideen Shahul Hameed of Sultan Mizan Zainal Abidin Polytechnic (PSMZA), Dungun and his team of trainers: Encik Azman Zainal Abidin (PSIS), Encik Ahmad Shaharil Jamaludin (Bayan Baru Community College), Noor Azwa Mohamed Ozir (PUO), Bala Saras Pathi Ponnoman (PSA), Puan Farahdiba Mat Said (PJB), Puan Kuldip Kaur (PJB), Puan Shammine Dharmalingam (PPD) and Cik Masniza Mansor (PPD). *Mas*



English Language Carnival July 2007



The English Language Carnival July Session 2007 was successfully carried out from 3 September to 7 September, 2007. An extremely positive feedback was received from both students and lecturers of Port Dickson Polytechnic throughout the carnival. In line with its objective to promote the use of English language among students and lecturers in a fun way outside the classroom, a variety of competitions and contests were carried out, including language games like Scrabble, spelling bee, word maze and charade, treasure hunt or also known as Poly Hunt, singing competition or the Poly Idol, elocution contest, quiz and also a Merdeka Song Composition contest in conjunction with the celebration of Malaysia's 50th Independence. The Prize Giving Presentation was officiated by the Director of Port Dickson Polytechnic in Dewan Kuliah 4 of Port Dickson Polytechnic on 10 September, 2007.

The organizing committee would like to thank all participants, lecturers and all parties involved either directly or indirectly in support of this event. See you in the next English Language Carnival with much more interesting, fun and thrilling contests and competitions! *Mas*



Program Kem Personaliti Unggul Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Malaysia



Pada 7 hingga 10 September 2007. Bahagian Pengurusan Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Jawatankuasa Kaunseling Politeknik Malaysia telah mengadakan satu program iaitu 'Kem Personaliti Unggul Pembimbing Rakan Siswa' yang bertempat di Pulau Jerejak. Seramai 10 orang peserta dari setiap Politeknik mewakili Politeknik masing-masing ke program ini. Sempena sambutan kemerdekaan Malaysia yang ke-50, program ini bertemakan 'Kasih Sayang Rahmat Kemerdekaan'. Objektif program ini pula adalah untuk memantapkan personaliti disamping mengeratkan silaturrahim antara PRSP Politeknik seluruh Malaysia. Aktiviti-aktiviti yang di laksanakan amat menyeronokkan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Ice Breaking, LDK, slot ceramah, sukaneka, explore dan sebagainya. Tidak lupa juga aktiviti kerohanian amat dititik beratkan dalam program ini. Penceramah yang di jemput untuk mengendalikan slot-slot yang tertentu amat berpengalaman luas dalam slot yang disampaikan.

Sekitar Aktiviti Dan Peristiwa

Sesi Julai - Disember 2007

Lawatan Dari Nigeria



Kempen Derma Darah



Sukaneka Perpustakaan



Hari Produk JKA 2007



Kemimpinan Berterusan

Sekitar Aktiviti Dan Peristiwa

Sesi Julai - Disember 2007

Sekitar Kolokium Kerjaya



Explorace 2007



Minggu Suakkenal Julai 2007



Kempen Menutup Aurat



Sesi Julai 2007

Isi kandungan

1. Sambutan Kemerdekaan Jubli Emas Peringkat PPD.
2. PPD Berjaya Memperolehi Sijil MS ISO 9001:2000.
3. Hari Produk JKA 2007.
4. PPD Naib Johan Keseluruhan Explorace 2007.
5. Wakil Jabatan Mekanikal Ke Jerman
6. Jelajah Jalur Gemilang PPD Ke Puncak Gunung Angsi.
7. Baktimu Terus DI Kenang-En Mohd Redza.
8. Pertandingan Fifa Robo-soccer.
9. Seminar Keusahawanan Jabatan Perdagangan.
10. Perkhemahan Senibina Di UIA.
11. Pertandingan Model Jambatan Di UTM.
12. Lawatan Ke Pusat Sains Negara.
13. Ceramah Membina keterampilan Pelajar Cemerlang.
14. Kempen kecergasan Dan Kecerdasan.
15. Jamuan Hari Raya & Deepavali JKA
16. Lawatan Ke Pusat KALAM UTM.
17. Gotong Royong Perdana.
18. Archidex 2007 Di Pusat Konvensyen KLCC.
19. Kursus Kepimpinan & Kerjasama Berpasukan.
20. Majlis Berbuka Puasa dan Ilya' ramadhan Peringkat PPD.
21. Lawatan Penandaarasan Oleh PSAS.
22. Anugerah Khidmat Cemerlang Staf PPD.
23. PPD Juara Futsal.
24. Hari Pendaftaran Pelajar Baru Sesi Julai 2007.
25. Minggu Suail kenal Sesi Julai 2007
26. Seminar Kecemerlangan Pelajar
27. Lawatan Sambil Belajar ke USIM.
28. Majlis Berbuka Puasa Di Rumah Seri Kembangan, Seremban.
29. Seminar Personaliti Unggul & Majlis Sambutan Hari Raya, Unit Kaunseling & Kerjaya.
30. Program Lawatan Belajar & Majlis silaturahmi.
31. Program Ice Breaking Kelab Pembimbing Rakan Siswa PPD.
32. Seminar kepimpinan Islam.
33. Khemah Ibadah Sesi Julai 2007.
34. Kempen Menutup Aurat.
35. MUET Seminar.
36. The 8th Inter-Polytechnic English Language.
37. Training Of Trainers PPSMTI Phase III.
38. English Language Carnival July 2007.
39. Kem Personaliti Unggul Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Malaysia.

PERISTIWA DAN ISU SEMASA

2007 Politeknik Port Dickson Terus Cemerlang

webarchitect@shamsul_j@polpd.edu.m

Buletin

Politeknik Port Dickson

